



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
DAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

SIARAN MEDIA BERSAMA

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) KOLABORASI STRATEGIK DI
ANTARA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah menjalinkan kolaborasi strategik dalam pembangunan kapasiti golongan sasaran khususnya golongan usahawan mikro dan informal dengan permeteraian tiga (3) Memorandum Persefahaman.
2. Dua (2) daripada MoU berkenaan adalah di antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bersama PROTÉGÉ dalam pemeraksanaan dan perluasan program PROTÉGÉ, dan PERKESO bersama TEKUN Nasional dalam perlaksanaan program caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Manakala majlis turut menyaksikan kolaborasi strategik ketiga di antara Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dalam memperkukuh dan meningkatkan kapasiti dan kemahiran usahawan melalui inisiatif pembangunan strategik.
3. YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tunku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menyaksikan sesi menandatangani dokumen kolaborasi strategik di antara PERKESO dan PROTEGE, PERKESO dan TEKUN Nasional serta PSMB bersama INSKEN.

4. Susulan penularan wabak COVID-19 di seluruh negara, dianggarkan akan berlaku peningkatan bilangan usahawan mikro dan informal daripada anggaran terkini seramai 3 juta orang. Ini berikutan corak peralihan semasa di mana lebih ramai beralih ke bidang keusahawanan dan informal sebagai alternatif untuk menjana pendapatan. Oleh itu, usaha dan inisiatif untuk membantu golongan tersebut perlu diberi perhatian khusus.
5. “Kebanyakan golongan usahawan mikro serta informal yang bekerja sendiri dilihat tidak mempunyai sebarang skim perlindungan. Lebih membimbangkan, sebahagian daripada mereka ini menjalankan pekerjaan yang sering terdedah kepada risiko kemalangan atau bencana, contohnya pemandu teksi dan nelayan. Antara sebab utama adalah faktor kekangan kewangan, namun tidak dinafikan bahawa terdapat juga kurangnya kesedaran atau *awareness* berhubung betapa pentingnya mencarum dalam skim perlindungan. Oleh itu, dengan adanya kerjasama ini, maka diharap ia dapat membantu meringankan beban serta meningkatkan kesedaran untuk usahawan mendapatkan skim perlindungan yang sewajarnya” ujar YB Dato’ Sri Dr. Wan Junaidi bin Tunku Jaafar dalam ucapan beliau.
6. YB Datuk Seri M. Saravanan semasa ucapannya berkata “Golongan usahawan tempatan terutama mikro dan informal adalah yang paling terjejas teruk akibat pandemik ini. Pembukaan semula sektor ekonomi dengan pematuhan kepada norma-norma baharu, memerlukan golongan ini meningkatkan keupayaan dan mengadaptasi kepada penggunaan teknologi maklumat dan digitalisasi. Golongan ini juga merupakan golongan yang paling terdedah kepada risiko apabila tidak mempunyai sebarang skim perlindungan sosial apabila sekiranya terlibat di dalam kemalangan atau bencana, golongan ini terutamanya yang bekerja tidak formal akan terputus mata pencarian. Justeru, perlaksanaan kolaborasi strategik ini dapat membantu golongan usahawan tempatan dan informal memperlengkapkan diri dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan, serta melindungi mereka daripada risiko kehilangan mata pencarian. ”

7. Di bawah kolaborasi strategik ini, golongan usahawan tempatan dan informal akan turut diberi peluang bagi meningkatkan kebolehan dan keupayaan diri melalui penyediaan program *reskilling & upskilling*, meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pepadanan graduan bersama majikan serta pemanjangan pilihan caruman ke Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bagi melindungi golongan ini dari risiko kehilangan mata pencarian.

8. Hadir sama mewakili KSM ialah YB. Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YBhg. Dato' Jamil Bin Rakon, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia. Manakala bagi pihak MEDAC, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Pengurusan Tertinggi dari kedua-dua kementerian.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
DAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
10 MAC 2021
KUALA LUMPUR**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Memorandum Persefahaman di antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) & PROTEGE – Pemerkasaan Dan Perluasan Program PROTÉGÉ Melalui MYFutureJobs dan Assist Portal Yang Disediakan Di Bawah PERKESO

Di bawah MoU ini, PERKESO dan PROTEGE akan melaksanakan:

- pemerkasaan Program PROTÉGÉ-RTW di bawah Unit Sekretariat PROTÉGÉ, MEDAC melalui perkhidmatan pekerjaan yang disediakan oleh PERKESO;
- mempromosi portal pekerjaan MYFutureJobs kepada majikan di bawah Program PROTÉGÉ-RTW
- mempromosi aktiviti perkhidmatan pekerjaan di bawah PERKESO kepada majikan di bawah Program PROTÉGÉ-RTW;
- perkongsian data dua hala antara Portal Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia MYFutureJobs dan ASSIST Portal dengan Platform MEDAC; dan
- perkongsian maklumat kepada syarikat di bawah Program PROTÉGÉ berkenaan dengan insentif-insentif Kerajaan di bawah seliaan PERKESO.

2. Memorandum Persefahaman (MoU) PERKESO & TEKUN Nasional – Perlaksanaan Program Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)

Di bawah MoU ini, PERKESO dan TEKUN Nasional akan melaksanakan:

- aktiviti promosi SKSPS di kalangan para usahawan melalui seminar, bengkel atau lain-lain libat urus untuk menjelaskan aspek pemahaman dan pemakaian perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta 789 termasuk faedah-faedah, pemulihan dan pencegahan;
- aktiviti-aktiviti yang dapat menggalakkan pendaftaran serta meningkatkan penyertaan di bawah SKSPS oleh para usahawan yang mengambil pembiayaan di bawah TEKUN bagi memastikan liputan perlindungan yang berterusan;

- kolaborasi bagi pelantikan EKSPS oleh PERKESO sebagai wakil TEKUN untuk menjadi Ejen Korporat yang bertanggungjawab ke atas usahawan di bawah TEKUN mengikut ketetapan di dalam terma dan syarat-syarat bagi maksud pungutan dan penerimaan bayaran caruman;
- perkongsian data dan pertukaran maklumat khususnya senarai nama usahawan-usahawan yang telah diluluskan dan disalurkan amaun pembiayaan ke atas mereka oleh TEKUN bagi memastikan aspek pengesahan pendaftaran, jumlah potongan pembayaran caruman dan tempoh perlindungan SKSPS dapat diselaraskan dengan tarikh amaun pembiayaan TEKUN disalurkan kepada penerima biaya; dan
- menjadi pemudah cara kepada usahawan-usahawan yang sedia ada dan baharu untuk menyertai SKSPS termasuk penyertaan melalui EKSPS dalam membantu pelaksanaan SKSPS termasuk proses tuntutan faedah OBBS sekiranya berlaku bencana pekerjaan sendiri.

3. Memorandum Persefahaman (MoU) PSMB & INSKEN – Kerjasama Dalam Memperkukuhkan Dan Meningkatkan Kapasiti & Kemahiran Usahawan Melalui Inisiatif Pembangunan Strategik

Di bawah MoU ini, PERKESO dan TEKUN Nasional akan melaksanakan:

- kerjasama antara PSMB dan INSKEN untuk 'end-to-end programme' yang relevan dengan industri;
- inisiatif penguasaan dan peningkatan kapasiti bagi rakyat Malaysia dalam membangun kemampuan dan kapasiti usahawan masa kini dan masa depan, dengan fokus kepada keusahawanan;
- memastikan pengusaha dapat meningkatkan atau menubuhkan perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih baik dengan menyediakan geran perniagaan / 'starter kit' dan seterusnya untuk memberi peluang pekerjaan bagi mereka yang boleh bekerja dengan set kemahiran yang sepadan;
- kerjasama dan kolaborasi dalam bidang lain dari inisiatif strategi masa depan seperti yang dipersetujui oleh para Peserta dari semasa ke semasa dalam jangka masa yang ditentukan;
- pertukaran maklumat berkaitan pengembangan intervensi latihan; dan
- mana-mana projek lain yang mesti dikenal pasti dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak pada peringkat kemudian.